



St Leonard's College
An education for life.

Tahun 5 dan 6

Sekolah rendah atas merupakan tahap yang penting, kerana pelajar sedang mencari cabaran baru, dan penuh bersemangat untuk mengenali dunia sekeliling serta tempat mereka di dalamnya.

Di peringkat ini mereka benar-benar dahagakan pengetahuan, didorong oleh khazanah ilmu dalam talian yang tersedia dengan sekelip mata pada bila-bila masa.

Kami faham kehidupan kanak-kanak 11 tahun sekarang jauh berbeza dengan ibu bapa dan guru pada umur yang sama dahulu, dan cara mengajar dahulu tidak memenuhi kemampuan dan pemahaman pelajar tahun 5 dan 6 sekarang. Itulah sebabnya program yang unik dibangunkan untuk pelajar di peringkat ini, demi memberikan pelbagai cabaran yang dicari mereka dan menyemai kecintaan pada pelajaran yang akan menjadi bekal pendidikan menengah dan selanjutnya.

Pelajar tahun 5 dan 6 dibimbing oleh guru-guru berdedikasi dengan pengkhususan mata pelajaran. Mereka belajar Matematik daripada ahli matematik dan Sains daripada ahli sains. Kurikulum meliputi Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Ilmu Kemanusiaan, Bahasa (Cina, Perancis atau Sepanyol), Teknologi Digital, Pendidikan Jasmani, Pengajian Pustaka, Seni dan Muzik, semuanya diajar oleh guru pengkhususan di bilik darjah pengkhususan. Pelajar dapat mendalami kandungan kurikulum secara lebih bermakna dan menemui bidang-bidang yang sesuai dengan minat dan kebolehan masing-masing.

Selain menawarkan cabaran akademik dan memastikan mereka tetap teruja dalam pembelajaran, program kami juga membina kecenderungan belajar, keyakinan diri dan kemahiran pemikiran kritikal yang perlu bagi pelajar tahun 5 dan 6 menuju masa depan.